

SM Goh: Amal agama ikut konteks

Sikap toleransi dan hormat agama lain di sini harus diterus

Oleh HISHAM HAMBARI
mhisham@sph.com.sg

AGAMA yang dipraktik di sini harus sesuai dengan konteks Singapura yang berbilang kaum dan kepercayaan, sebagaimana amalan agama di Timur Tengah mengikut konteks tertentu rantau itu.

Ia juga harus mengambil kira realiti bahawa sebagai negara kecil, Singapura hanya mampu wujud jika ia berintegrasi dengan dunia moden.

Menekankan demikian, Menteri Kanan, Encik Goh Chok Tong, berkata ini bererti sikap toleransi dan menghormati agama lain yang diamalkan di sini perlu diteruskan.

“Rukun asas kita mengenai sikap toleransi dan hormat agama lain dan pada masa yang sama mengamalkan agama kita secara aman telah menghasilkan keharmonian, kestabilan dan kemajuan.

“Marilah kita kekalkannya,” gesa beliau semasa berucap dalam majlis sambutan Maulidur Rasul saw di Geylang Serai semalam.

Encik Goh menjelaskan bahawa pandangan beliau mengenai bagaimana agama perlu disesuaikan mengikut sekitaran dan konteks tertentu digarap hasil beberapa kunjungan ke Timur Tengah.

Beliau telah mengunjungi hampir semua negara di Timur Tengah, termasuk Iran, Turkey dan negara-negara Maghreb (Afrika Utara), dengan kunjungan terbarunya ialah ke Libya hanya dua bulan lalu.

Encik Goh, yang juga Anggota Parlimen (AP) GRC Marine Pa-



FOTO: THE STRAITS TIMES

KHAT ISTIMEWA: Encik Goh (dua dari kanan) menerima cenderamata nama beliau dalam tulisan khat hasil karya Ustaz Fauzi Mohd Amin daripada penganjur Maulidur Rasul saw di Geylang Serai.

rade, berkata selain meluaskan ruang ekonomi Singapura, kunjungannya ke Timur Tengah bertujuan untuk beliau memahami Islam dengan lebih dekat.

“Daripada lawatan-lawatan saya ke Timur Tengah, saya membuat kesimpulan bahawa Islam dipraktik mengikut konteks sejarah, kawasan, budaya dan pandangan.

“Walaupun patuh pada prinsip-prinsip utama dan rukun-rukun Is-

lam, Islam yang diamalkan di Timur Tengah tidak sama (monolitik) tetapi mempunyai perbezaan ketara dan juga tidak begitu ketara,” kata Encik Goh.

Dalam majlis itu, Encik Goh makan tengah hari bersama penduduk serta penghuni rumah-rumah kebajikan yang diundang.

Dianjurkan bersama oleh para peniaga Geylang Serai, jawatan-kuasa eksekutif kegiatan Melayu

(MAEC) dan badan-badan akar umbi GRC Marine Parade, ia turut disertai para AP lain GRC itu.

Encik Goh menyuarakan juga rasa gembira melihat ramai penduduk berbilang kaum dan agama sama-sama merayakan majlis itu, yang walaupun berunsur agama turut menekankan pentingnya untuk hidup dalam harmoni serta mengambil berat kebajikan golongan kurang bernasib baik.

“Saya menggalak golongan bu-

kan Muslim supaya membalas keramahan masyarakat Muslim ini dengan menjemput mereka menyertai beberapa perayaan agama apabila sesuai.

“Interaksi seperti ini akan dapat menggalak persefahaman antara kaum dan agama dan memperkuatkan perpaduan nasional. Ia juga dapat melindungi kita daripada kesan negatif pertelingkahan kaum dan agama di luar Singapura,” kata Encik Goh.